



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI PERINGKAT MENENGAH ATAS
DI DAERAH -SABAK BERNAM:
SATU TINJAUAN**

ABD.RAHMAN BIN HJ.ABD.AZIZ

FPP 1997 2

**PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI PERINGKAT MENENGAH ATAS
DI DAERAH SABAK BERNAM :
SATU TINJAUAN**

ABD.RAHMAN BIN HJ.ABD.AZIZ

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1997**



**PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI PERINGKAT MENENGAH ATAS
DI DAERAH SABAK BERNAM :
SATU TINJAUAN**

Oleh

ABD.RAHMAN BIN HJ.ABD.AZIZ

**Projek Kajian Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor**

September 1997



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG

Penulis memanjatkan syukur ke hadhrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia-Nya akhirnya projek ini berjaya disiapkan. Sesungguhnya, banyak pihak yang telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis amat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mereka, terutamanya kepada :

Penyelia projek ini, Prof. Madya Dr. Hj. Naim bin Hj. Ahmad, yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna. Berkat kesabaran, kesungguhan, minat dan dedikasi beliau telah memberikan kekuatan kepada penulis dalam misi menyiapkan projek ini. Segala usaha dan pengorbanan masa serta tenaga beliau itu, akan menjadi kenangan abadi yang tidak ternilai di hati penulis. Semoga Allah iua yang membalas segala jasa beliau seisi keluarga.

Prof. Madya Hj. Taha Abd. Kadir dari Fakulti Pengajian Bahasa Moden, UPM dan En. Mokelas Ahmad, Pegawai Unit Bahasa dan KM, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, yang telah sudi meluangkan masa untuk menyemak kertas soal selidik yang disediakan dari segi bahasa dan validiti kandungannya.

Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa kerana telah memberi peluang kepada penulis bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia ,Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor kerana membenarkan pengkaji menjalankan kajian di sekolah-sekolah menengah di daerah Sabak Bernam , semua pengetua dan guru KM di daerah Sabak Bernam kerana kerjasama dan komitmen mereka yang cukup tinggi dalam usaha merealisasikan projek kajian ini.

Puan Noraini Othman dari Sek.Men.Seri Serdang yang telah membantu menjalankan pengumpulan maklumat dan kajian rintis. Begitu juga kepada Puan Hajah Saliha Mansor dari Sek.Men.Jalan Bukit,Kajang yang telah banyak memberikan kerjasama dalam memyempurnakan kertas projek ini.

Pensyarah -pensyarah di Fakulti pengajian Pendidikan, Fakulti Bahasa Moden,UPM dan rakan-rakan program Master Sains serta di Dewan Bahasa dan Pustaka yang turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini.

Seterusnya sebagai tanda kasih abadi buat ayahanda dan bonda tersayang,



Allahyarham-Allahyarham Hj.Abd.Aziz bin Hj.Noh dan Hajah Che' Puan bte. Hj. Ismail yang pesanan dan harapan mereka sentiasa menjadi semangat bagi mencapai kejayaan ini.

Akhir sekali, penyempurnaan projek ini hanya menjadi satu realiti dengan dorongan, sokongan dan doa restu daripada isteri yang dikasihi, Hajah Fuziah bte. Hj.Nordin serta anak-anak yang cukup mengerti, Afifi Hafiz, Fitri Yanti dan Amira Nazneen.

Kepada kalian, penulis mengabadikan projek ini. Agar usaha yang kecil ini mampu memberikan manfaat kepada semua dan semoga Allah memberkati serta memberikan rahmat-Nya yang tidak terhingga di dunia dan di akhirat.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Matlamat dan Objektif Pendidikan Kesusasteraan Melayu	8
1.2.2 Tujuan dan Objektif Pengajaran Puisi	12
1.3 Kerangka Teoritikal	16
1.4 Pernyataan Masalah	20
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Persoalan Kajian	24
1.7 Kepentingan Kajian	25
1.8 Batasan Kajian	27

1.9	Definisi Konsep	29
1.9.1	Penggunaan	29
1.9.2	Media	29
1.9.3	Media Eletronik	30
1.9.4	Pengajaran	30
1.9.5	Puisi	31
1.9.6	Peringkat Menengah Atas	33

BAB 11 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Jenis-jenis Media	35
2.3	Pemilihan Media Dalam Pengajaran	38
2.4	Kebaikan Penggunaan dan Integrasi Media Eletronik Dalam Pengajaran	42
2.5	Kaedah Pengajaran Kesusasteraan Melayu	56
2.5.1	Kaedah-kaedah Pengajaran	56
2.5.2	Kaedah Struktural	57
2.5.3	Kaedah Mengalami-menghayati	59
2.5.4	Kaedah Berfokus	61
2.6	Kajian Yang Berkaitan Dengan Penggunaan Media Eletronik Dalam Pengajaran Kesusasteraan Melayu	63

2.7 Kajian Berkaitan Dengan Masalah Dalam Penggunaan Media Eletronik Dalam Pengajaran Kesusasteraan Melayu	71
--	----

BAB 111 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	75
3.2 Reka Bentuk Kajian	75
3.3 Responden	76
3.4 Instrumen Kajian	76
3.4.1 Soal Selidik	76
3.4.1.1 Item-Item Soal Selidik	77
3.4.2 Temubual	79
3.5 Kaedah Kajian Dijalankan	79
3.6 Penganalisan Data	80
3.7 Kesimpulan	81

BAB 1V DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	82
4.2 Latar Belakang Responden	82
4.2.1 Jantina	82
4.2.2 Umur	83
4.2.3 Pengalaman Mengajar KM	84



4.2.4	Kelulusan Akademik	85
4.2.5	Kelulusan KM di peringkat SPM dan STPM	86
4.2.7	Pengkhususan Semasa Latihan Iktisas	88
4.2.8	Bilangan Waktu Mengajar Dalam Seminggu	89
4.2.9	Pendedahan Kursus	90
4.2.10	Kesimpulan	91
4.3	Perancangan dan Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi.....	93
4.3.1	Media Elektronik Yang Dibekalkan Di Sekolah	93
4.3.2	Kekerapan Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi Moden	94
4.3.3	Kekerapan Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi Lama	96
4.3.4	Kaedah Pengajaran Puisi	98
4.3.5	Teknik Pengajaran Puisi	99
4.3.6	Penggunaan Media Elektronik Dalam Langkah Pengajaran	100
4.3.7	Perancangan dan Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi	102
4.3.8	Kesesuaian Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi	104

4.3.9 Kesesuaian Media Elektronik Untuk Merangsang Minat Pelajar.....	105
4.3.10 Penyediaan Bahan Perisian Dalam Pengajaran Puisi	106
4.3.11 Jumlah Masa Dalam Seminggu Yang Digunakan Untuk Merancang dan Menyediakan Media Pengajaran	107
4.3.12 Kesimpulan	108
4.4 Perkaitan Antara Kekerapan Penggunaan Media Elektronik Dengan Faktor Demografi.....	110
4.5 Tahap Kemahiran Guru-Guru KM Menggunakan Media Elektronik Dalam pengajaran Puisi	113
4.6 Masalah, Keperluan dan Pandangan Guru Tentang Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	114
4.6.1 Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Tentang Penggunaan Media Elektronik	115
4.6.2 Gangguan Beban Tugas	116
4.6.3 Keperluan Guru KM Untuk Mempertingkatkan Penggunaan Media Elektronik	119
4.6.4 Pandangan Guru Tentang Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi	122
4.6.5 Kesimpulan	126

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	129
5.2 Objektif, Persoalan dan Kepentingan Kajian	130

5.3	Responden dan Metodologi	132
5.4	Perbincangan	133
5.4.1	Latar Belakang responden	133
5.4.2	Perancangan dan Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	134
5.4.3	Perkaitan Antara kekerapan Penggunaan Media Elektronik dengan Faktor Demografi	139
5.4.4	Tahap Kemahiran Guru-Guru KM Menggunakan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	141
5.4.5	Masalah, Keperluan dan Pandangan Guru Tentang Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi	141
5.5	Kesimpulan	144
5.6	Cadangan-Cadangan	149
	BIBLIOGRAFI	157
	LAMPIRAN A : Responden Kajian	163
	LAMPIRAN B : Soal Selidik	165
	LAMPIRAN C: Soalan Temubual	181
	LAMPIRAN D: Surat Kebenaran Kementerian	183

SENARAI JADUAL

JADUAL	Halaman
1. Sifat-sifat Media Pengajaran Untuk Pemilihan	40
2. Cara-cara Memilih Media dan Ciri-ciri Media Mengikut Objektif, Saiz dan kumpulan Penuntut	41
3. Hubungan Antara Media Pengajaran dengan Objektif Pengajaran	53
4. Bilangan Responden Mengikut Jantina	83
5. Bilangan Responden Mengikut Umur	84
6. Pengalaman Mengajar Kesusasteraan Melayu	85
7. Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	85
8. Taburan Guru Mengikut Kelulusan KM di peringkat SPM	86
9. Taburan Guru Mengikut Kelulusan KM di peringkat STPM	87
10. Kelayakan Ikhtisas	88
11. Pengkhususan Latihan Ikhtisas	89
12. Bilangan Waktu Mengajar Dalam Seminggu	90
13. Pendedahan Kursus Dalam Perkhidmatan	91
14. Taburan Media Elektronik yang Dibekalkan di Sekolah	94
15. Taburan kekerapan Memilih dan Menggunakan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi Melayu Moden	96



16. Taburan Kekerapan Memilih dan Menggunakan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi Melayu Lama	98
17. Kaedah Pengajaran Puisi	99
18. Teknik Pengajaran	100
19. Penggunaan Media Elektronik Dalam Langkah Pengajaran	101
20. Perancangan dan Penggunaan Media Elektronik Dalam Pengajaran Puisi	103
21. Kesesuaian Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	105
22. Kesesuaian Media Elektronik Untuk Merangsang Minat Pelajar	106
23. Penyediaan Bahan Perisian dalam Pengajaran Puisi	107
24. Jumlah Masa Dalam Seminggu Yang Digunakan Untuk Merancang dan Menyediakan Media Pengajaran.....	108
25. Perkaitan Antara Kekerapan Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi dengan Faktor Demografi.....	113
26. Tahap Kemahiran Guru Menggunakan Media Elektronik	114
27. Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Tentang Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	116
28. Gangguan Beban Tugas Dalam Menyediakan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	117
29. Beban Tugas Lain di Sekolah	119
30. Keperluan Kursus Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	120



31. Sumber Pengetahuan Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	121
32. Taburan Bentuk Latihan/kursus Pilihan Guru	122
33. Pandangan Guru Mengenai Keperluan Dipertingkatkan Tahap Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	123
34. Taburan Genre yang Digemari oleh Pelajar-pelajar Berdasarkan Pandangan dan Pengalaman Guru	124
35. Kaedah Mengajar Puisi yang Sesuai Mengikut Pandangan Guru	125
36. Pandangan Guru Mengenai Keberkesanan Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran Puisi	126



SENARAI RAJAH

RAJAH	Halaman
1. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan dan Penggunaan Media Pengajaran	19
2. Ubahsuai Model Penyampaian Maklumat Shannon-Weaver	45
3. Kon Pengalaman Dale	48
4. Pendekatan Berfokus	62

SENARAI SINGKATAN

- KM** - Kesusasteraan Melayu
- P&P** - Pengajaran dan pembelajaran
- KBSM** - Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
- PSS** - Pusat Sumber Sekolah
- ABM** - Alat Bantu Mengajar
- APD** - Alat Pandang Dengar
- OHP** - Overhed Projektor

**Abstrak Kertas Projek yang Dikemukakan Kepada Senat
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-
syarat Keperluan Untuk Ijazah Master Sains.**

**PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM PENGAJARAN PUISI
DI PERINGKAT MENENGAH ATAS DI DAERAH SABAK BERNAM :
SATU TINJAUAN**

oleh

ABD.RAHMAN BIN HJ.ABD.AZIZ

September 1997

Penyelia : Prof.Madya Hj.Naim Hj.Ahmad, Ed. D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan meninjau penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi di kalangan guru-guru KM di sekolah menengah atas di daerah Sabak Bernam, di samping mengenal pasti masalah yang berkaitan dengan penggunaan media elektronik dan pandangan guru mengenai keberkesanan penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi.



Subjek kajian terdiri daripada 21 orang guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu (KM) dari semua 9 buah sekolah menengah di daerah Sabak Bernam, Selangor yang menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Pengumpulan data telah dibuat dengan menggunakan soal selidik dan temubual. Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik seperti kekerapan,peratusan, Korelasi Pearson dan point-biserial.

Hasil kajian mendapati bahawa tahap penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi masih lagi berada pada tahap yang rendah. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa masalah seperti kekurangan bahan/perisian yang sesuai untuk pengajaran puisi, beban tugas lain di sekolah dan kekangan masa. Sungguhpun begitu, hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa faktor demografi seperti umur,pengalaman mengajar KM dan pendedahan kursus kurang mempengaruhi kekerapan penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi di daerah ini.

Penemuan juga mendapati bahawa kebanyakan guru KM di daerah ini mempunyai kemahiran yang baik dalam menggunakan media elektronik asas yang dibekalkan di sekolah seperti radio,kaset, televisyen,video,OHP,lutsinar dan filem slaid. Namun kemahiran itu tidak dapat dimanipulasikan sepenuhnya dalam

pengajaran puisi kerana kekurangan bahan/perisian yang sesuai untuk diintegrasikan ke dalam pengajaran. Oleh itu, masalah-masalah ini perlu mendapat perhatian pihak yang berkaitan supaya tahap penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi dapat dipertingkatkan lagi seiring dengan perkembangan teknologi baru dan zaman internet.

Sungguhpun begitu, pada umumnya guru-guru KM di daerah ini mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan media elektronik dalam pengajaran puisi dan menyatakan tahap penggunaan media elektronik perlu dipertingkatkan lagi bagi mewujudkan keberkesanan dalam pengajaran.



An abstract of project submitted to the senate of
University Putra Malaysia in partial fulfillment of the
requirement for the degree of Master Science

**USE OF ELECTRONIC MEDIUM IN THE TEACHING OF
POETRY IN THE UPPER SECONDARY LEVEL IN THE DISTRICT
OF SABAK BERNAM :
A SURVEY**

By

ABD.RAHMAN BIN HJ.ABD.AZIZ

September 1997

Supervisor : Prof.Madya Hj.Naim Hj.Ahmad, Ed. D.

Fakulty : Faculty of Educational Studies

This study attempt to look at the use of electronic medium in the teaching of poetry by the teachers teaching in the upper secondary schools, also to identify problems related to the use of the medium and teachers opinion on the effectiveness of electronic medium in the teaching of poetry.

Respondents of the study are 21 teachers teaching Malay Literature from all the 9 secondary schools of Sabak Bernam district.



Data collection were exercised through the use of questionnaires and interviews. The data was than analysed using statistical methods such as frequency, percentage, Pearson's correlation and biserial-point.

The finding showed that the level of use of the electronic medium in the teaching of poetry is still low. This has influence to some variables such as lacking of appropriate materials/software for poetry teaching, excessive school commitments and times constraints. However, result of correlation analysis showed that demographical factors such as age, Malay Literature teaching experience and course exposures do not significantly affect the frequency of use of the electronic medium in the teaching of poetry in this district.

The findings also showed that most of the literature teachers in the district possess adequate skills in the using electronic medium supplied to schools such as the radio,cassete, television,video,OHP,transperencies and slide films. But the skills wouldn't be fully manipulated in poetry teaching due to lack of relevent materials and softwares. Therefore, these constraints should be looked into by relevent authorities so that the use of electronic medium in the poetry teaching can be increased to correspond to the development of new technologies and the internet age.

However, most of the Malay Literature teachers in the district possess a positive opinion regarding the use of electronic medium in poetry teaching and state that the use should be elevated to create more effective teaching.



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembelajaran merupakan satu proses kesinambungan yang tidak wujud satu tembok pemisah antara masa silam, masa kini dan akan datang. Apa yang berlaku, akibat daripada perubahan masa dan zaman, hanyalah mungkin perubahan kepada pendekatan dan kaedah dalam memperoleh ilmu pengetahuan tersebut. Sungguhpun begitu, matlamat dan objektif pembelajaran adalah masih sama iaitu mendapatkan ilmu secara yang terbaik, terancang, sistematik dan kemaskini.

Sebagai komponen dalam KBSM, pendidikan kesusasteraan Melayu (KM) sebagai satu disiplin ilmu telah digarap menjadi ilmu berkesan untuk membentuk personaliti, merangsang pemikiran kritis-imaginatif dan memberi panduan hidup harmonis dan bertatasusila. Justru itu, dalam konteks pendidikan kebangsaan negara kita, pendidikan kesusasteraan Melayu (KM) bertujuan memenuhi cita-cita Falsafah Pendidikan Negara (FPN) untuk mewujudkan insan yang seimbang dan

harmonis dari segi intelek,emosi,rohani dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia,1991).

Sungguhpun begitu, guru-guru harus memahami bahawa satu disiplin ilmu yang menggabungkan penggunaan bahasa indah dan penuh estetika dengan persoalan hidup yang menarik juga boleh menjemukan para pelajar. Fenomena ini lazim terjadi andainya sesuatu perkara dilakukan secara stereotaip, lama-kelamaan ia akan menjadi kaku, tidak dinamis, kurang menarik dan akhirnya menjemukan. Justru itu,masalah kebosanan dan kurang minat para pelajar boleh diatasi kalau ada unsur untuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran KM,khususnya puisi lebih menarik, pelbagai dan menyeronokkan.

Guru sebagai perantara yang penting harus dapat menggunakan daya kreativiti mereka secara optimum untuk meneroka dimensi baru yang lebih segar terhadap mata pelajaran tersebut. Salah satu cara ialah menggabung-jalinkan penggunaan media dalam pengajaran bagi merangsang seluruh pancaindera pelajar. Ini bersesuaian dengan fitrah manusia sendiri yang gemar kepada kepelbagaian, keseronokan dan keselesaan dalam mempelajari sesuatu yang baru. Dalam konteks ini, para guru mempunyai tanggung-jawab sosial dan moral untuk mencari jalan menyepadu dan menggunakan media sebagai motivasi